

27/06/1997

2,000 dijangka hadir konvensyen Umno

KOTA KINABALU, Khamis - Seramai 2,000 perwakilan daripada 20 bahagian Umno Sabah akan menghadiri konvensyen keempat parti itu, selama dua hari di sini, bermula 16 Ogos ini.

Konvensyen yang membincang perkara penting berkaitan politik, ekonomi serta pembangunan di Sabah, dijangka dirasmikan Perdana Menteri merangkap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Perhubungan Umno Sabah, Datuk Yahya Hussin, berkata seramai 22 wakil bahagian parti itu akan berpeluang mengemukakan pandangan pada konvensyen tahunan berkenaan.

"Konvensyen tahunan Umno itu penting untuk mencapai perpaduan teguh di kalangan pemimpin, ahli serta penyokong parti itu pada semua peringkat khususnya di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas mesyuarat mengenai perkara itu di Pejabat Perhubungan Umno Sabah, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Karim Ghani; Ketua Pergerakan Wanita Sabah, Datuk Norjan Khan Badar; Bendahari Umno Sabah, Datuk Musa Aman; dan Ketua Umno Bahagian Keningau, Sairin Karno.

Menurutnya, tema konvensyen belum ditetapkan kerana mesyuarat susulan mengenainya akan diadakan kemudian.

Yahya berkata, konvensyen itu dapat memantapkan pelaksanaan pembangunan di Sabah di samping mengimbas kembali pencapaian Barisan Nasional (BN) sejak memerintah negeri ini.

(END)